



Shamsul Iskandar (tengah) bersama Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Samsudin Noor meraikan wakil media selepas Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti 2019, di Kota Bharu. -NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

LKTN sasar nilai industri RM350 juta tahun 2025



Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim

nfazlina@nstp.com.my

Kongsi arti

KOTA BHARU: Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) mensasarkan nilai industri berkenaan mencecah RM350 juta pada 2025, sekali gus mampu mewujudkan 2,300 peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata bagi mencapai usaha ke arah itu, produk kenaf akan dikumpulkan dalam Kenaf Mall sebelum dipasarkan menerusi kaedah atas talian secara meluas. Katanya, beliau berharap produk kenaf suatu hari nanti akan terjual di setiap pelusuk dunia menerusi kaedah pemasaran ini. “Saya menyarankan produk Kenaf Mall diperluas jualannya melalui online (atas talian) antarabangsa seperti E-bay, Lazada, Shopee dan lain-lain.

“Setakat ini kita sedang meneliti rakan niaga untuk bekerjasama bagi menjayakan usaha itu termasuk pasaran dalam negara dan platform di luar.

“Kita sedang mengenal pasti rakan niaga dan capaian yang kita boleh bekerjasama dengan lebih baik lagi. Kita akan mulakan proses ke arah digital dengan penyediaan projek kenaf yang pelbagai,” katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti LKTN 2019 di sini, malam tadi. Pada majlis berkenaan, seramai 11 pengamal media menerima sijil penghargaan daripada LKTN.

Pada masa sama, katanya, bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menjadi negara berpendapatan tinggi, LKTN akan melancarkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan ekonomi pengusaha di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran. Katanya, antara program yang dijalankan termasuk Pembangunan Kilang Pemprosesan dan Pengeluaran Produk Kenaf; Pembangunan Integrated Kenaf Industrial Park (IKIP); Pembangunan Usahawan Pusat Pemprosesan Kenaf Insitu (PPKI); Pembangunan Usahawan KUR Perdana; Program Sejuta Kenaf dan Skim Pendapatan Rakyat Melalui Kenaf (SPARK).